

13/10/2002

Kuasa politik, populariti dan kepentingan majoriti

"The challenges we will face are pressure from religious and racial extremism, political fanaticism and racial chauvinism in every group within society.

"These extremist groups pose a great threat to society and if they are not opposed and stopped, they might incite racial and religious riots when they cannot get what they want." - Dr Mahathir Mohamad

SEJAUH manakah parti politik, khususnya parti pemerintah, perlu mengikut tuntutan rakyat? Apakah setiap rancangan atau tindakan yang hendak dilaksanakan perlu persetujuan semua rakyat? atau perlu di bawa ke Parlimen? Jawabnya tentulah tidak. Bukan cara memerintah negara. Bukan amalan pemerintah di mana-mana negara pun.

Dalam sistem demokrasi berparlimen, matlamat parti politik adalah untuk menang pilihan raya, dapat kuasa dan memerintah. Kuasa itu diberikan oleh majoriti rakyat yang mengundi. Sebab itulah rakyat diminta menggunakan haknya - mengundi dalam pilihan raya. Yang tidak menggunakan haknya kenalah ikut keputusan rakyat yang mengundi.

Apabila parti menang dan memerintah, matlamatnya adalah melaksanakan rancangan untuk keperluan rakyat dan negara. Itulah tugas dan janjinya kepada rakyat - terutama kepada pengundi. Itulah bezanya antara parti pemerintah dengan parti pembangkang yang tidak berkewajipan melaksanakan apa-apa. Tiada yang menuntut dan mendesak.

Kepuasan keagamaan, kepuasan jiwa dan perasaan di Kelantan

Parti pemerintah yang jadi pemerintah kerajaan negeri, sama juga. Akan tetapi di Kelantan nampaknya ada sedikit perbezaan. Sebabnya agak ramai rakyat negeri itu yang tidak merasa penting pembangunan untuk rakyat. Yang penting adalah ideologi keagamaan. Kepuasan keagamaan, kepuasan jiwa dan perasaan.

Maka Menteri Besar Kelantan umpamanya, tidak berhenti-henti meneruskan kerjanya sebagai Tok Guru. Lebih menonjol daripada tugas ketua pentadbir negeri.

Ramai rakyat Kelantan yang hendak mencari wang dan keselesaan, berhijrah. Tetapi ramai di antara mereka ini, bila pilihan raya balik menyokong Pas dan selepas pilihan raya balik lagi ke tempat mereka dapat hidup selesa. Tinggallah kawan rakan dan keluarga menikmati kepuasan keagamaan.

Di Terengganu, belum dapat dipastikan. Stail politik Menteri Besar pun agak berbeza. Ahli-ahli Exconya pun nampak berbeza. Kecenderungan majoriti rakyat Terengganu belum jelas. Mungkin juga ikut seperti majoriti rakyat Kelantan. Mungkin mereka berasa perlu kepada pembangunan dan kebendaan. Sebab itu mereka terus menuntut hak mendapatkan royalti minyak. Wang perlu!

Namun sebagai kerajaan negeri, kedua-duanya mengamalkan cara biasa, iaitu tidak menunggu persetujuan semua rakyat untuk melaksanakan apa-apa rancangan atau tindakan. Kerana majoriti rakyat sudah memberi kuasa kepada mereka menerusi pilihan raya.

Dalam kegiatan politik nasional, parti pembangkang meneruskan cara parti pembangkang - mencari pengaruh, mencari sumbangan, bukan pembangunan. Mereka akan melakukan apa saja tindakan politik untuk menambah pengaruh dan kekuatan.

Ramai orang suka mendengar dan melihat pemerintah dibelasah. Ramai yang suka melihat dan mendengar yang buruk-buruk dan busuk-busuk. Kita memang

suka mencium bau busuk di badan kita. Maka kesukaan ini dipergunakan sebaik-baiknya oleh parti pembangkang.

Apakah kita yang majoriti mesti tunduk kepada kumpulan minoriti

Pembangkang akan menyokong sesiapa saja, individu apalagi kumpulan yang menentang kerajaan. Walaupun perjuangan kumpulan ini bertentangan dengan konsep, semangat dan cita-cita perjuangan mereka, mereka sokong juga. Mereka menolak hak istimewa Melayu. Itu bukan konsep Islam. Mereka menyokong perjuangan Seqiu.

Dulu Pas mengatakan orang Islam tidak boleh bekerjasama dengan bukan Islam untuk memerintah; sekarang boleh. Mereka terus bekerjasama dengan DAP. Dan macam-macam lagi. (Tidak dinafikan, ada di antara perjuangan mereka yang betul.)

Apabila parti pembangkang nampak kuat, kumpulan-kumpulan kecil kaum dan keagamaan ini pun, berasa makin kuat dan makin ghairah. Kegarangan mereka ini menghantui parti-parti komponen kerajaan. Orang Umno pun ada juga yang bimbang, malah takut. Ada di antara mereka yang ragu-ragu atau merasa keputusan kerajaan tidak betul.

Maka dalam ucapan perasmian mesyuarat Agung Gerakan, 5 Oktober lalu, Dr Mahathir mengingatkan: "Parti-parti komponen tidak perlu berasa tergugat apabila diugut sesetengah pihak, termasuk puak-puak ekstremis kaum atau agama. Mereka tidak perlu berasa takut kehilangan populariti atau pengaruh."

Kata Dr Mahathir: Cabaran yang akan kita hadapi ialah tekanan daripada ekstremisme agama dan kaum, fanatisme politik dan chauvinisme kaum yang terdapat dalam setiap kelompok dalam masyarakat kita.

Katanya lagi: Kumpulan-kumpulan ekstremis ini menjadi ancaman besar kepada masyarakat dan jika mereka tidak ditentang dan kegiatan mereka tidak dihentikan, mereka boleh menyalakan rusuhan kaum dan agama apabila hajat mereka tidak tercapai.

Hal seperti ini sudah pernah terjadi di negara kita dan akibatnya amatlah buruk dan menyedihkan. Contoh-contoh yang nyata dapat kita lihat juga di Indonesia, India, Pakistan dan di banyak negara di benua Afrika. Majoriti rakyat tidak mahu kejadian seperti itu berlaku.

Sebab itu kerajaan yang bertanggungjawab mestilah berani bertindak tegas, tanpa takut kehilangan populariti dan sokongan. Asalkan jangan melakukan kezaliman dan memijak undang-undang.

Pemimpin yang bertanggungjawab mestilah rela menerima kekalahan kerana membuat kebaikan. Tiada guna menjadi pemerintah dalam negara yang huru-hara, mundur dan rakyat menderita. Rakyat yang waras akan menjadi hakim dalam pilihan raya. Hakim terakhir ialah Allah Azzawajalla.

Projek "Doktor gila" dan projek sia-sia dan pembaziran

Saya teringat pada pertengahan tahun 1980-an, pasukan penentang Dr Mahathir yang diketuai Tengku Razaleigh yang disokong kuat oleh tokoh-tokoh seperti Datuk Abdullah Badawi, Datuk Rais Yatim (yang mengisytiharkan telah "membakar jambatan"), Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Zainal Abidin Zin, Puan Marina Yusof, Puan Rahmah Othman, Puan Ilani Ishak dan ramai lagi, yang sekarang telah kembali kepada Umno, telah menuduh Dr Mahathir seorang diktator.

Mereka juga mengkritik hebat projek jambatan Pulau Pinang dan Kompleks Dayabumi sebagai projek mewah yang sia-sia. Projek Proton Saga sebagai projek "Doktor gila". Selepas itu ramai pula menentang projek Lebuhraya Utara Selatan, Semua projek pembaziran.

Bayangkan jika tiada projek kereta Malaysia, tiada jambatan Pulau Pinang dan tidak Plus! Daya Bumi tiada apa-apa keistimewaan lagi, tenggelam oleh puluhan bangunan lain yang lebih hebat.

Dan sekarang ada yang menghentam KLIA, Menara Kembar Petronas, Litar Lumba Formula 1, Koridor Raya Multimedia dan Putrajaya. Tunggulah 10 tahun

atau 20 tahun lagi! Tidaklah molek fikirkan diri kita hari ini dan pilihan raya tahun 2004 saja. Di samping faedah nyata bagi sesuatu projek atau keputusan, lihat juga faedah sampingan yang cukup banyak tetapi selalu dilupakan.

Pesan Dr Mahathir: "Parti komponen (saya tambah: rakyat yang berilmu dan berfikir) perlu memahami hasrat tersurat dan tersirat kerajaan apabila melaksanakan apa-apa rancangan bagi membolehkan usaha untuk kepentingan dan faedah rakyat dapat dilakukan dengan mudah, lancar dan tanpa apa-apa halangan."

Saya ulangi: Fikirkanlah yang tersurat dan yang tersirat. Pandanglah ke belakang untuk melihat ke depan. Bersamalah kita memohon petunjuk daripada Allah, bukan dari nafsu amarah. Marilah kita bermula dengan sikap yang positif.

(Kampung Sg Pencala - 9 Oktober 02).